

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

PLG 391 Kaedah Mengajar Rampaian Sains

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan No: 1 yang diwajibkan dari Bahagian A dan mana-mana DUA soalan lain dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Kurikulum sains dalam KBSM dibentuk secara bersepadu dengan mengambilkira perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan penegasan yang lebih kepada pemupukan nilai-nilai murni.
 - [a] Apakah yang dimaksudkan dengan nilai-nilai murni?
 - [b] Bagaimanakah nilai-nilai ini boleh diterapkan melalui matapelajaran Rampaian Sains?
 - [c] Jelaskan bagaimana pengajaran nilai dapat menggalakkan murid-murid berfikir.
 - [d] Jelaskan mengapa pengukuran dan penilaian aspek afektif seperti sikap dan nilai perlu di lakukan disekolah.

Sertakan contoh-contoh dan alasan-alasan yang kukuh bagi jawapan soalan ini.

[40 markah]

BAHAGIAN B

2. Kursus Rampaian Sains adalah kursus yang diajar secara bersepadu atau gabungan.
 - [a] Terangkan dengan memberi contoh, apakah yang dimaksudkan dengan konsep "bersepadu" atau "gabungan".

- [b] Bincangkan sebab-sebab Rampaian Sains diajar secara bersepadu atau gabungan.
- [c] Huraikan pendekatan dan kaedah yang disarankan untuk mengajar kursus Rampaian Sains ini.

[30 markah]

3. Salah satu tujuan pendidikan sains ialah mendidik murid-murid cara membuat tinjausiasat secara saintifik.

- [a] Apakah langkah-langkah tinjausiasat saintifik?
- [b] Bincangkan kekuatan dan kelemahan pengajaran-pembelajaran tinjausiasat bagi Rampaian Sains.
- [c] Huraikan cara mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

[30 markah]

4. [a] Apakah anggapan yang pernah dibuat oleh sebahagian guru-guru terhadap murid-murid yang mengambil matapelajaran Rampaian Sains.
- [b] Jelaskan punca-punca utama mengapa perkara tersebut boleh berlaku.
- [c] Dengan mengambilkira anggapan-anggapan yang disebut di [a], bincangkan tindakan yang diambil dalam menggubal kurikulum Rampaian Sains.

[30 markah]

-- ooooo000oooo --